



مجلس فيرنديان كمامان

MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN
24000 KEMAMAN TERENGGANU DARUL IMAN
TEL : 09 8597777 , 09 8597700 FAX: 09 8595455
CAWANGAN KERIEH TEL : 09 826 1427 FAX : 09 826 1830
Bobos Tol : 1-800 88 7002
<http://mpk.terengganu.gov.my>
E-mail : mpk@mpannmpk.mpann.gov.my



MPK (JL) 1200/P/2016/18 – (1)

Tarikh : 27 September 2016

: 25 Zulhijah 1437

KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA KERJA MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN

BIL. SEBUTHARGA Q / JL / 18 / 2016

Tawaran sebutharga kerja adalah dipelawa kepada pemborong-pemborong Bumiputera yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan bertaraf Bumiputera mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK) dibawah Gred G1, Kategori B/CE Pengkhususan B09/CE14**, memahami maksud kerja, mengambil kira keadaan cuaca dan faham segala butir-butir di dalam lukisan dan penentuan dengan ini akan diterima untuk menyertai sebutharga di Pejabat Majlis Perbandaran Kemaman sehingga **pukul 12.00 tengahari pada 06hb. Oktober 2016** sebagaimana berikut :-

CADANGAN MENAIKTARAF LANDSKAP DI BUKIT KUANG, KEMAMAN, TERENGGANU

1. Pemborong yang mempunyai **Akuan Kebenaran Khas** memasuki tawaran daripada Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dalam kepala dan sub kepala diatas juga boleh diterima membuat tawaran sebutharga ini dan hendaklah mengemukakan **surat Asal** tersebut semasa memasuki tawaran ini.
3. Segala butir-butir lanjut dan borang tawaran sebutharga kerja bolehlah didapati pada waktu bekerja di **Jabatan Landskap, Aras bawah, Pejabat Majlis Perbandaran Kemaman, Kemaman, Terengganu Darul Iman**. Tawaran sebutharga mestilah dibuat diatas borang yang dikhaskan. Disampul tawaran sebutharga dibahagian kiri, mestilah ditulis keterangan tawaran sebutharga " **SEBUTHARGA Q/JL/18/2016** " sepertimana dinyatakan.
3. Tawaran sebutharga yang tidak dihantar melalui pos hendaklah dimasukkan ke dalam **peti tawaran Q/JL/18/2016, di Kaunter Bersepadu, Aras 1, Pejabat Majlis Perbandaran Kemaman, Kemaman, Terengganu**. Semua tawaran sebutharga hendaklah sampai sebelum tawaran itu ditutup pada masa dan tarikh yang tersebut diatas.
4. Borang Tawaran Sebutharga **mulai dijual pada 28hb. September 2016 hingga 05hb. Oktober 2016** dengan harga **RM 50.00** (Ringgit Malaysia: Lima Puluh Sahaja) senaskah dan boleh diperolehi di **Jabatan Landskap, Aras bawah, Pejabat Majlis Perbandaran Kemaman, Kemaman, Terengganu Darul Iman**. **Borang tawaran tidak akan dijual pada tarikh dan hari tawaran ditutup**.
5. Majlis Perbandaran Kemaman adalah tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah sekali atau mana-mana tawaran.

Sekian, terima kasih.

“ TRANSFORMASI TERENGGANU BAHARU ”

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

Saya yang menurut perintah,


(SHAMSUL SYAHIRAN BIN MOHD SAMSUDDIN)
Pegawai,
Jabatan Landskap,
b.p Yang DiPertua
Majlis Perbandaran Kemaman.